

Taekwondo UMS Cemerlang

Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan bangganya muncul sebagai johan keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan meraih empat pingat emas.

Peserta UMS yang berjaya meraih pingat emas tersebut ialah Muhd Fairus Zulkifli (Welterweight), Lee See Yen (Lightweight), Tan Ee Seng (Middleweight) dan Lee Pei Pei (Featherweight).

Kecemerlangan pasukan UMS ini, di bawah bimbingan jurulatih berpengalaman Barry Voon, adalah kesinambungan kejayaan menjuarai Kejohanan Terbuka Sabah 2003/04 dan Kejohanan Terbuka UMS 2004.

Sebanyak 16 pasukan IPTA dan IPTS di seluruh negara menyertai kejohanan tersebut, yang diadakan pada 8 - 14 Jan 2005.

Oleh : Md Adam Majanggim Abdullah